



MRT MUTIARA SDN BHD

(No. Syarikat 202401019008 (1564857-T))

(Sebuah Anak Syarikat Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd))

KENYATAAN TENDER

Kerajaan Malaysia telah melantik Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd) sebagai pemaju projek dan pemilik aset yang akan melaksanakan dan menyiapkan sepenuhnya satu sistem rel metro yang dikenali sebagai PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA (PML). MRT Corp melalui anak syarikatnya MRT Mutiara Sdn Bhd (MRTM), akan melaksanakan Projek PML sepenuhnya.

MRTM mempelawa bakal Petender yang berpotensi untuk menyertai tender bagi pakej kerja yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

| TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER | SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN | HARGA DOKUMEN TENDER | PRA-PENDAFTARAN TENDER | TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK |
|---|--|--|--|--|
| <p>PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA (PML)</p> <p>PACKAGE 3A - SITE PREPARATION WORKS AT SUNGAI DUA</p> <p>TENDER NO.: PML-MRTC-CMC3A-D01D-TEN-000001</p> | <p>i. Terbuka kepada kontraktor tempatan yang berdaftar di dalam negeri Pulau Pinang sahaja.</p> <p>ii. Mesti memiliki perakuan pendaftaran yang sah seperti berikut:</p> <p>a) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) daripada CIDB. CIDB Grade: G6</p> <p>b) Perakuan Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</p> | <p>RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja)</p> <p>dalam bentuk Deraf Bank / Banker's Cheque</p> <p>Pembayaran kepada:- MRT Mutiara Sdn Bhd (202401019008 (1564857-T))</p> | <p>Semua Petender dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian untuk menyertai Tender melalui salah satu pautan yang disediakan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none">Laman web MRT Corp: www.mymrt.com.my;https://forms.gle/DH4xuSNR9K92zPGQ9;Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran.  <p>Pra-pendaftaran tender ini akan bermula dari 30 Januari 2025 sehingga 9 Februari 2026.</p> | <p>Sesi Taklimat & Lawatan Tapak Tarikh : Isnin, 9 Februari 2026 Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari Lokasi : Tapak Pesta Sungai Nibong</p> <p>Semua Petender dikehendaki mendaftar kehadiran masing-masing pada Isnin, 9 Februari 2026 di lokasi yang tertera di atas di antara jam 9.30 pagi hingga 10.00 pagi.</p> <p>Wakil dari pihak Petender yang berminat mestilah dari kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat.</p> <p>Wakil Pembida WAJIB mengemukakan Sijil Pendaftaran yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) seperti dinyatakan di dalam SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN sewaktu menghadiri Taklimat Tender. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan membatalkan kelayakan untuk menghadiri taklimat.</p> |

Petender mestilah memenuhi syarat-syarat MANDATORI seperti berikut untuk menyertai Tender ini:

| KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL | KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN |
|--|--|
| <p>Petender mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam penyediaan tapak dan kerja-kerja perobohan bagi bangunan sekurang-kurangnya dua tingkat, dengan rekod prestasi projek bernilai kumulatif RM 3 juta atau lebih dalam tempoh sepuluh (10) tahun.</p> | <ol style="list-style-type: none">Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada RM 400,000.00.EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif.Baki Bank Purata 3 Bulan mesti positif. |

Dokumen Tender boleh dibeli mulai **10 Februari 2026** until **27 Februari 2026** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

| TEMPAT JUALAN DOKUMEN TENDER | WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER |
|---|--|
| <p>MRT MUTIARA SDN. BHD.</p> <p>(1) Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia;</p> <p>Atau</p> <p>(2) Pejabat MRTM Contract & Procurement Department Level 5, Menara Northam, 55 Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Georgetown, Pulau Pinang</p> | <p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</p> |
| TEMPAT PENYERAHAN DOKUMEN TENDER | TARIKH SERAHAN TENDER |
| <p>MRT MUTIARA SDN. BHD.</p> <p>(1) Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia;</p> | <p>Tarikh serahan bagi dokumen tender adalah pada Selasa, 17 Mac 2026 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari. Sebarang kelewatan di dalam penyerahan dokumen tender tidak akan diterima</p> |

Nota:

- Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah **TIDAK** dibenarkan.
- MRTM berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana Petender serta membatalkan proses tender ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab. MRTM tidak akan menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Petender yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mail ke procurement.mtl@mymrt.com.my.